

CNS2395

R GB 05-03 00160 BA531

bah

Mahathir - Miskin

JANGAN LUPA GOLONGAN MISKIN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata golongan rakyat termiskin tidak harus dilupakan dalam usaha negara mengorak langkah mencapai taraf negara maju.

"Kita perlu memberi peluang kepada rakyat termiskin memperbaiki potensi ekonomi mereka kerana kejayaan golongan ini akan membantu mewujudkan negara yang adil dan saksama," katanya dalam buku cenderamata sempena Pelancaran "Tabung Projek Ikhtiar 1993" di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan tabung yang kali ini dijayakan bersama oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Permodalan Nasional Berhad, Kumpulan Utusan Melayu (M) Berhad dan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa berusaha menebalkan semangat berdikari dan daya saing rakyatnya khususnya golongan termiskin.

Ini dilakukan dengan memperbanyakkan program pembangunan sosial dan ekonomi serta menyediakan pelbagai kemudahan dan keperluan asas, katanya. -- Lagi.

▼05/03/13-05MST

CNS2396

R GB 05-03 00146 BA532

bah

Mahathir - Miskin 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Tabung yang dimulakan pada 1990 itu, bertujuan mendapatkan sumbangan daripada syarikat, pertubuhan dan orang ramai untuk dijadikan pinjaman modal kepada golongan berpendapatan di bawah RM250 menjalankan kegiatan ekonomi.

Dr Mahathir berkata pelaksanaan tabung projek itu adalah satu usaha murni kerajaan untuk memajukan golongan termiskin melalui pendekatan ekonomi.

"Kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta dalam menjayakan pelaksanaan Tabung ini menunjukkan sikap positif dan keinsafan rakyat terhadap golongan yang kurang bernasib baik," katanya.

Anwar, dalam kata-kata aluannya, berkata walaupun kedudukan ekonomi negara telah mencapai tahap yang membanggakan namun perhatian berat tetap diberikan kepada golongan keluarga yang berada di bawah paras kemiskinan.

Katanya, tabung itu diharap menanam rasa tanggungjawab dan prihatin terhadap golongan yang memerlukan pertolongan untuk mewujudkan suasana harmoni, bekerjasama dan muhibah di kalangan masyarakat. -- Bernama.